



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	30/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	UMUM		

Fenomena banjir lumpur dikaitkan aktiviti penebangan hutan

Dari Muka 1

Beliau mengulas gesaan 45 badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tepatan, kelmarin meminta kerajaan mengadakan siasatan bebas dan mengambil tindakan terhadap mereka yang mungkin bertanggungjawab dalam kejadian bencana banjir lumpur bercampur batang kayu hanyut di pekan Karak, Bentong.

NGO berkenaan membuat gesaan itu kerana kejadian terbahit menyebabkan kerosakan terhadap ratusan rumah penduduk kampung sekitarnya serta meragut hampir 10 nyawa setakat ini.

Mereka turut mendakwa, aktiviti pembalakan dan pembukaan hutan berskala besar untuk perladangan durian dan hutan dibuat di kawasan berkenaan kebelakangan ini, dengan kebanyakannya tanpa Penilaian Kesan Alam Sekitar (ELA).

Selain itu, 45 NGO terbahit menggesa Kementerian dan agensi berkaitan membuat semakan segera ke atas pematuhan terhadap peraturan pengurusan perhutanan, alam sekitar dan tanah

oleh pemilik dan pengurus tanah di daerah Bentong dan mengambil tindakan membawa mana-mana pihak yang melanggar peraturan ke muka pengadilan dan memberikan pampasan sewajarnya kepada komuniti terjejas.

Antara NGO yang membuat gesaan itu adalah Alliance of River Three, Angkatan Belia Islam Malaysia, Belia di Bawah Bayu, Caring Asian Women (CAW), Centre for Independent Journalism (CIJ), Centre for Orang Asli Concerns (COAC), CERAH - Anti Haze Action, Environmental Protection Society Malaysia (EPSM), Five Arts Centre, Friends of Bukit Kiara, Friends of Klang River Basin, Gabungan Darurat Iklim Malaysia (GDIMY) dan Global Environment Centre.

Mengulas lanjut, Mansor berkata, pihaknya tidak menafikan fenomena banjir lumpur berkenaan dikaitkan dengan aktiviti penebangan hutan, selain faktor hujan terlalu lebat yang menghanyutkan sekali sisa kayu dari hulu sungai ke bahagian hilir.

"Ia adalah satu pengajaran untuk seluruh negara, termasuk di

Selangor yang berdepan banjir kali ini supaya kita melihat semua kawasan pembangunan dan melakukan pemuliharaan.

"Keadaan ini juga boleh dijangka disebabkan hujan yang berlaku sangat lebat lebih dari kebiasaannya, sekali gus menyebabkan sistem perparitan juga tidak dapat menampung air," katanya.

Beliau berkata, KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan gerak kerja termasuk memastikan rumah pam takungan dan loji rawatan air (LRA) berfungsi.

Katanya, KASA juga mempunyai kawasan angkat banjir di Sepang, Selangor dan Jerantut, Pahang, yang dijaja, terutama aspek pembaikan dan pembersihan.

Dalam perkembangan sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mengarahkan Jabatan Perhutanan negeri menyalas dan memberikan laporan berkaitan kejadian banjir lumpur dan kayu hanyut di Sungai Telemong, dekat Karak, 18 Disember lalu.

Beliau berkata, jabatan terbahit juga diarah turun padang bagi

menyalas kemungkinan ada pembalakan haram di kawasan hilir sungai dan bagaimana batang kayu dihanyutkan begitu banyak ke Sungai Telemong.

"Ada banyak dakwaan (mengenai pembalakan haram dan penerokaan hutan) dan Jabatan Perhutanan memulakan siasatan untuk mengesahkannya. Saya minta mereka hantar laporan terperinci mengenai dakwaan itu.

"Semua pihak diminta menunggu hasil siasatan dan tidak membuat sebarang kesimpulan atau andaian. Saya tidak menetapkan tempoh (siasatan) tetapi biarkan jabatan berkenaan menyalas," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan Ubai, Pekan, petang kelmarin.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabai, D Kamache, berkata kewujudan beribu-ribu batang pokok hanyut sehingga menyekat aliran Sungai Telemong menimbulkan tanda tanya kerana biasanya banjir di kawasan itu disebabkan hujan dan

peningkatan paras air.

"Persoalan ialah dari mana batang kayu hanyut ini datang ke dalam Sungai Telemong, bagaimana ia masuk ke sungai, pihak berkuasa wajar menyalas dan memberikan penjelasan.

"Ramai orang faham mengenai banjir, tetapi insiden di Telemong yang menghanyutkan batang pokok sehingga kediaman penduduk ditenggelami lumpur tebal, ini agak luar biasa," katanya.

Tinjauan mendapati, kedua-dua belah tobing sungai itu dipenuhi batang pokok hanyut yang dipercayai dibawa arus dari hulu dan tersangkut di jambatan konkrit berdekatan lokasi 18 orang dibawa kepala air dalam kejadian 18 Disember lalu.

Batang pokok hanyut itu menyebabkan aliran sungai terganggu menyebabkan penempatan di situ ditenggelami banjir.

Malah, batang kayu hanyut juga merempuh beberapa rumah penduduk di sepanjang tebing sungai dan ada yang dihanyutkan arus beberapa kilometer sehingga ke Kampung Tanjung, dekat pekan Karak.

BH 30.12.2021_4

